

11/04/2002

Hukuman lebih berat terhadap perogol dikaji

Misiah Taib; Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Rabu - Kabinet mengarahkan supaya satu kajian dibuat bagi melaksanakan hukuman lebih berat terhadap pesalah kes rogol kanak-kanak dan sumbang mahram, dalam usaha membendung jenayah itu yang mencapai tahap membimbangkan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Kabinet juga bersetuju Kementerian Dalam Negeri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim dan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, mengadakan perbincangan lanjut dan kajian susulan.

"Selepas itu, kita akan mengemukakan balik hasil perbincangan dan kajian kepada Jemaah Menteri untuk membuat keputusan muktamad," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Pengurusan Umno di Ibu Pejabat Umno di sini, petang ini.

Beliau berkata, Jemaah Menteri membuat keputusan itu selepas Rais memaklumkan kepada Kabinet hari ini mengenai cadangannya (Abdullah) beberapa hari lalu, supaya hukuman bagi kesalahan rogol kanak-kanak dan sumbang mahram ditingkatkan.

Abdullah berkata, Kabinet berpendapat ada kewajaran memberi pertimbangan serius dan memperhalusi cadangan itu.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, pindaan yang akan dicadangkan nanti akan bertumpu kepada mengenakan hukuman lebih berat terhadap pesalah terbabit berbanding undang-undang sekarang.

Baru-baru ini, Abdullah mencadangkan agar pesalah rogol kanak-kanak dan sumbang mahram dikenakan hukuman minimum yang lebih berat kerana jenayah itu tidak boleh dimaafkan serta tidak boleh dirayu supaya hukuman diringankan.

Hukuman bagi semua kesalahan rogol kini mengikut Seksyen 376 dan 376A Kanun Keseksaan. Seksyen 376 memperuntukkan hukuman penjara minimum lima tahun dan tidak melebihi 20 tahun dan sebat manakala 376A memperuntukkan hukuman penjara minimum enam tahun dan tidak melebihi 20 tahun dan minimum enam sebatan sehingga 24 sebatan.

Sementara itu, mengulas mengenai perbincangan Jawatankuasa Kebangsaan Hal Ehwal Islam yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan turut dihadiri beliau Isnin lalu, Abdullah berkata;

"Kita telah pun berbincang mengenai memorandum Persatuan Ulama Malaysia (PUM). Memorandum itu sebenarnya sudah dikemukakan kepada Majlis Raja-Raja.

"Majlis Raja-Raja sudah buat keputusan supaya memorandum itu dikaji oleh jawatankuasa berkenaan dan selepas itu dilapor balik kepada mereka," katanya.

Beliau berkata, mesyuarat turut membincangkan kandungan memorandum itu mengenai isu menghina agama dan menghina Rasulullah dikatakan dibuat beberapa penulis tempatan.

"Bila kita cakap pasal menghina Islam, menghina Rasulullah, sebenarnya ada kejadian dan kenyataan yang biasa dibuat oleh orang tertentu yang boleh dianggap sebagai menghina ajaran Islam.

"Misalnya kenyataan yang dibuat oleh Menteri Besar Kelantan yang juga Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang mengatakan bahawa Allah mencarut...dan lain-lain lagi yang perlu kita beri perhatian," katanya.

Abdullah berkata, selain memberi pertimbangan pada memorandum PUM itu, perkara lain yang dianggap menghina Islam juga perlu diberi perhatian

dan pandangan jawatankuasa itu adalah penting untuk dikemukakan kepada Majlis Raja-Raja.

Katanya, jawatankuasa itu juga dimaklumkan bahawa penulis yang berkenaan telah pun memberi jawapan mereka kepada tuduhan yang telah dicatatkan dalam memorandum PUM itu.

"Kita akan mengkaji kedua-dua dokumen yang dihantar PUM dan dokumen yang dihantar penulis terbabit. Kita akan bermesyuarat lagi dan terserah kepada pengerusi jawatankuasa itu, iaitu Perdana Menteri, untuk menentukan tarikh mesyuarat seterusnya bagi membincangkannya," katanya.

Ditanya bentuk tindakan yang akan diambil terhadap pihak yang terbabit menghina Islam dan Rasulullah itu, beliau berkata ia akan dibincangkan pada mesyuarat akan datang.

Mengenai masalah berkaitan kedudukan cawangan yang diragui sah dari segi undang-undang pertubuhan, Abdullah berkata, mesyuarat hari ini sudah memeriksa semua bahagian yang diragui dan mendapati kedudukannya sudah disahkan dengan pendaftar pertubuhan.

"Semua cawangan sudah disahkan. Jadi, semua boleh mulakan mesyuarat dan memilih perwakilan untuk menghadiri persidangan perwakilan Umno bahagian. Mereka juga boleh memilih pemimpin cawangan," katanya.

(END)